



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : **UMT/BEND/100-4/8 JLD. 5 (20)**

Tarikh : **28 Ogos 2023**

Bersamaan : **11 Safar 1445H**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 17 TAHUN 2023

KADAR CAJ KHIDMAT MEDIA KREATIF UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar caj khidmat Media Kreatif bagi:

- Program penajaan Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT); dan
- Orang luar/agensi luar.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Justifikasi penetapan kadar caj khidmat Media Kreatif:

- a. PTj atau agensi luar perlu memasukkan kos dalam penyediaan bajet program di mana ianya menunjukkan kos perlu ditanggung bagi program tersebut; dan
- b. Kos yang ditetapkan merupakan sumber penajaan kepada Pusat Komunikasi Korporat (PKK) dan dapat digunakan untuk menyelenggara peralatan berkaitan.

2.2 Penetapan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penajaan Pendapatan (JPPP) Kali ke-9 Bil. 2 Tahun 2023 pada 7 Jun 2023-bagi program penajaan PTj; dan
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penajaan Pendapatan (JPPP) Kali ke-10 Bil. 3 Tahun 2023 pada 26 Julai 2023-bagi orang luar/agensi luar.

3. KADAR CAJ KHIDMAT MEDIA KREATIF

3.1 Kadar caj khidmat Media Kreatif UMT adalah terbahagi kepada dua (2) kategori seperti berikut:

a. Program Penajaan Pendapatan PTj; dan

Bil.	Perkhidmatan	Kadar Caj (RM)/ Program
1.	Khidmat Montaj	500.00
2.	Khidmat Nasihat Gimik	200.00
3.	Khidmat Reka Bentuk Grafik	100.00
4.	Pakej Perkhidmatan dari No. 1 sehingga No. 3	700.00
5.	Khidmat <i>Live Streaming</i>	200.00

Jadual 1: Kadar Caj Khidmat Media Kreatif Bagi Program Penajaan PTj

b. Orang/Agensi Luar.

Bil.	Perkhidmatan	Kadar Caj (RM)/ Program
1.	Montaj	3,000.00
2.	Reka Grafik	300/ design
3.	Khidmat Nasihat Gimik	500
4.	Live Streaming	800
5.	Multi Camera Production (MCP) (3 kamera & 1 kali raptai)	10,000/ hari 7,000/ ½ hari
6.	Fotografi	1,000/ orang jurufotografi
7.	Pengacara Majlis (staf UMT) - 200 bayaran pengacara majlis - 800 (30%PKK: 70% UMT)	1,000

Jadual 2: Kadar Caj Khidmat Media Kreatif bagi Orang/Agensi Luar

3.2 Kadar caj khidmat Media Kreatif bagi seminar/ konferen/ persidangan perlu dimasukkan dalam penyediaan bajet sebagai kos perbelanjaan bagi program penjanaaan Pusat Tanggungjawab (PTj).

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 26 Julai 2023.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Bendahari ini, Pekeliling Bendahari Bil. 15 Tahun 2023: Kadar Caj Khidmat Media Kreatif Bagi Program Penjanaan Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail